

JABATAN BANGUNAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

KELULUSAN PELAN RUMAH KEDIAMAN ( 3 Unit Kebawah )

PERAKUAN OLEH ORANG UTAMA YANG MENGEMUKAKAN ( PSP )

1. Borang A lengkap diisi
2. Borang Semakan Permohonan (SKP 1) lengkap diisi.
3. Borang Perakuan Kelulusan (SKP 8d) yang lengkap diisi
4. 1 Salinan resit bayaran yuran proses pelan serta resit wang cagaran pelan bangunan dan kebersihan.
5. 1 Salinan resit bayaran permit letak bahan binaan & permit pelupusan sisa binaan.
6. 1 Salinan resit bayaran semasa cukai taksiran rumah ( *bagi permohonan binaan semula* ).
7. 1 Salinan Geran Tanah / Hakmilik Sementara ( IR ) dan S & P terkini.
8. 1 Salinan resit bayaran semasa Cukai Tanah, Parit dan Taliair.
9. Permohonan ini **belum dibina / telah dibina** di tapak (*potong yang tidak berkaitan*) & sertakan gambar terkini di tapak.
10. 1 salinan CD yang mengandungi pelan tapak, pelan bangunan (format Autocad versi2000) dan gambar terkini rumah yang dipohon pada bahagian pindaan dan tambahan yang dicadangkan (format jpeg). Cd dilabel dan disimpulkan.
11. Ruang lega minima **2 meter** disediakan antara unjuran bangunan ke sempadan lot.
12. Semua butiran pelan adalah teratur, benar dan saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan.
13. Menyelia / Memastikan bangunan dibina mengikut Pelan Lulus, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 ( pindaan 2007 ) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.
14. Memastikan syarat-syarat berikut dicatitkan atas pelan.

SYARAT PEMBANGUNAN KEPADA RUMAH KEDIAMAN ( 3 UNIT KEBAWAH )

1. Menjaga kebersihan kawasan semasa kerja-kerja pembinaan dan memastikan bahan / sisa binaan tidak mengganggu jiran, lalulintas serta persekitaran. Tidak dibenar meletakkan sebarang bahan / sisa binaan di luar kawasan premis / lot tanpa menggunakan tong roro dan memastikan bahan binaan teratur di tapak.
2. Membersihkan tapak daripada sisa binaan setelah kerja siap. Sisa binaan hendaklah dilupuskan di tapak yang dibenarkan oleh Majlis. Resit bayaran pelupusan sisa binaan perlu ditunjukkan di tapak pelupusan untuk pengesahan. Pemohon perlu menyertakan resit bayaran pelupusan sisa binaan yang disahkan untuk tuntutan balik wang cagaran.
3. Bertanggungjawab dan membaikpulih dengan segera segala kerosakan infrastruktur sediaada dan bangunan berdekatan jika ada.

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

4. Kerja-kerja cerucuk & pembinaan dihadkan dari jam 8.00 pagi – 5.00 petang serta tidak dibenarkan pada hari Ahad. Hanya kaedah "injection pile" atau setaraf dengannya sahaja dibenarkan untuk kerja-kerja cerucuk .. Cerucuk bakau tidak digalakkan.
5. Penggunaan bahan asbestos tidak dibenarkan
6. Semua air sullage dari bilik air, tandas, besen basuh tangan & sinki dapur hendaklah disalir ke lurang sedia ada sebelum disalurkan keluar ke sistem pembetungan najis. Saluran terus air sullage ke longkang tidak dibenarkan.
7. Tidak membina sebarang struktur / menutup parit konkrit awam sedia ada di hadapan / belakang premis.
8. Membuat permohonan permit untuk bangsal sementara dan lain-lain binaan sementara yang dicadangkan serta mengadakan Papan Dendeng ( Hoarding ) untuk keselamatan pembinaan di tapak.
9. Digalakkan merekabentuk bangunan yang mempunyai ciri-ciri 'Green Building' seperti menyediakan bukaan / ruang untuk pencahayaan dan pengudaraan semulajadi, tadahan air hujan untuk kitar semula serta lain-lain keperluan.
10. Mengadakan papan tanda projek berserta maklumat-maklumat yang lengkap sepanjang kerja pembinaan dijalankan (Nama Pemaju, Alamat, Nama Arkitek, Jurutera, serta No.Telefon Kontraktor Pembinaan hendaklah dimaklumkan kepada Majlis sebelum kerja pembinaan dijalankan.
11. **Perakuan Siap dan Pematuhan ( CCC )** - Mengemukakan Borang B ( Mula Kerja ), Borang G1 - G21 secara berperingkat semasa pembinaan serta Borang F setelah siap pembinaan melalui OSC MBSP.
12. Majlis berhak membatalkan permohonan sekiranya meragukan dari aspek susunatur ruang dan rekabentuk rumah kediaman.
13. Majlis berhak mengarah untuk memberhentikan kerja pembinaan pada bila-bila masa.

13. Semakan Butiran Tanah :

**JENIS GERAN**

- |  |                         |
|--|-------------------------|
|  | Geran First Grade       |
|  | Bukan Geran First Grade |

**KATEGORI PENGGUNAAN TANAH**

- |  |                         |
|--|-------------------------|
|  | Bangunan                |
|  | Perumahan / Kediaman    |
|  | Perniagaan / Perusahaan |
|  | Pertanian               |
|  | Industri                |
|  | Tiada                   |

**SYARAT – SYARAT NYATA :**

Sila nyatakan .....

**SEKATAN – SEKATAN KEPENTINGAN**

Sila nyatakan .....

Catitan :  Tandakan yang berkaitan

**REKOD KETUANPUNYAAN TANAH**
  


Pemilikan penuh ( 1 / 1 bahagian )

Pemilikan bersama

Semua pemunya tanah menandatangani di atas pelan

Tidak semua pemunya tanah menandatangani di atas pelan ( sertakan Surat Akuan Sumpah )

Pemunya Rumah (Pemohon) bukan pemunya tanah yang berdaftar ( sertakan Surat Akuan Sumpah )

**SURAT-SURAT SOKONGAN JABATAN TEKNIKAL** ( Jika ada )

Sila nyatakan : PTD / JPS / .....

**Perakuan PSP :****Saya memperakukan bahawa semua keterangan dan maklumat di atas adalah benar.****Saya berhak dirujuk kepada LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA sekiranya perakuan dan keterangan yang saya berikan adalah tidak benar dan melanggar aturan.****Majlis berhak menarik balik dan membatalkan keputusan sekiranya mana-mana maklumat di atas tidak benar atau bercanggah.**.....  
**Orang Utama Yang Mengemukakan ( PSP )**

Untuk Kegunaan Pejabat ( Jabatan Bangunan )

  


Lengkap dan diterima

Tidak lengkap dan dikembalikan

**Disemak oleh :**
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh & Masa :  
 T/Tangan:
Catitan :  Tandakan yang berkaitan